

# P-raya: Calon Wanita UMNO dibincang

IPOH, Jumaat — Soal calon pilihanraya dan mereka yang akan bertanding di Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, dijangka menjadi perbincangan hangat dalam perjumpaan antara Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Perak di sini 22 Februari ini.

Walaupun sehingga ini, belum ada keputusan muktamad yang diambil mengenai dua isu itu, terdapat tanda-tanda keghairan di kalangan setengah ahli Wanita untuk menjadi calon.

Datin Hajjah Aishah

selaku Ketua Pergerakan akan diiringi oleh Timbalannya Datin Paduka Rafidah Aziz dan anggota-anggota Exco menghadiri perjumpaan yang dijadualkan bermula jam 10 pagi.

## Semangat

Ketua Wanita UMNO Perak, Toh Bijayawati Oon Zariah binti Abu Bakar mengesahkan perjumpaan di rumah UMNO di sini, tetapi enggan mengulas mengenai agenda mesyuarat.

Mengenai soal calon pilihanraya, Toh Bijayawati Oon Zariah bekas wakil rakyat menyatakan hasrat mereka mendesak agar pucuk pimpinan parti mem-

peruntukkan sekurang-kurangnya satu lagi kerusi Parlimen dan Negeri kepada mereka.

Alasannya kerana jumlah ahli Wanita UMNO yang semakin bertambah dan semangat kesedaran ingin memikul tanggungjawab bersama kaum lelaki yang kian memuncak.

Pada masa ini, Wanita Perak hanya mempunyai seorang wakil Parlimen dan dua anggota Dewan Undangan Negeri.

Kedudukan wakil-wakil rakyat Wanita Perak — Puan Yong Fatimah Razali (Parlimen Kuala Kangsar), Puan Hajjah Rokiah Kayat (Bota) dan Puan

Radziah Maharuddin (Hutan Melintang) juga mungkin dibincangkan.

Mengenai calon-calon yang wajar bertanding merebut jawatan-jawatan penting di Perhimpunan Agung Pergerakan itu yang dijadualkan berlangsung bulan Jun ini, Toh Bijayawati Oon berkata:

"Belum ada keputusan dibuat setakat ini, terpulanglah kepada bahagian-bahagian kami menentukannya."

Mengenai calon Perak yang akan merebut kerusi Exco pergerakan itu, beliau menambah setakat ini cuma nama Puan Yong Fatimah dan Setiausaha Wanita UMNO Perak, Puan Nen Abidah Haji Abdullah yang sudah pasti dikemukakan.

Sama ada Perak akan mengemukakan calon tambahan untuk merebut kerusi Exco juga terserahlah kepada bahagian-bahagian pergerakan itu yang akan bermesyuarat tidak lama lagi, kata Toh Bijayawati Oon Zariah.

Difahamkan kemungkinan Datin Paduka Hajjah Aishah mengumumkan keputusannya sama ada mempertahankan kedudukannya sebagai Ketua Pergerakan Wanita belum diketahui lagi.

Perak merupakan negeri yang paling ramai menghantar perwakilan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia